

# OZEMPIC®

## LARUTAN UNTUK SUNTIKAN

### DALAM PEN PRA-ISI

Semaglutide 1.34 mg/ml (0.25, 0.5 mg/dos, 1 mg/dos)

#### Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Ozempic®
2. Bagaimana Ozempic® berfungsi
3. Sebelum menggunakan Ozempic®
4. Cara menggunakan Ozempic®
5. Semasa menggunakan Ozempic®
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Ozempic®
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang
10. Pemegang Pendaftaran Produk
11. Tarikh kemaskini RiMUP

#### 1. Apakah kegunaan Ozempic®

Ozempic® digunakan untuk merawat orang dewasa (berumur 18 tahun ke atas) dengan diabetes jenis 2 apabila diet dan senaman tidak mencukupi:

- ▶ dengan sendirinya – bila anda tidak boleh mengambil metformin (sejenis ubat diabetes) atau
- ▶ bersama ubat-ubatan diabetes lain – apabila ubat-ubatan tersebut tidak dapat mengawal paras gula dalam darah anda dengan secukupnya, ini mungkin ubat yang anda ambil melalui mulut atau suntikan seperti insulin.

Pencegahan kejadian kardiovaskular (jantung)

Ozempic® boleh digunakan untuk mengurangkan risiko kejadian kardiovaskular (jantung) yang teruk (*major adverse cardiovascular events (MACE)*) seperti sakit jantung, strok atau kematian dalam kalangan orang dewasa yang menghidap penyakit diabetes mellitus jenis 2 dengan penyakit jantung atau berisiko tinggi untuk mendapat penyakit jantung.

Meneruskan pelan diet dan senaman anda seperti yang telah dinasihatkan oleh doktor, ahli farmasi atau jururawat adalah amat penting.

#### 2. Bagaimana Ozempic® berfungsi

Ozempic® mengandungi bahan aktif semaglutide. Ia membantu tubuh anda menurunkan paras gula dalam darah hanya apabila paras gula dalam darah menjadi terlalu tinggi dan ia membantu mencegah penyakit jantung.

#### 3. Sebelum menggunakan Ozempic®

##### - Bila tidak boleh menggunakan

Jika anda mempunyai alahan terhadap semaglutide atau sebarang bahan lain yang terdapat di dalam ubat ini.

##### - Sebelum mula menggunakan Ozempic®

Maklumkan kepada doktor, ahli farmasi atau jururawat anda sebelum mengambil Ozempic®.

##### Amaran dan langkah berjaga-jaga

Ubat ini tidak sama dengan insulin dan anda tidak boleh menggunakannya jika:

▶ anda menghidap penyakit diabetes jenis 1 – suatu keadaan di mana tubuh anda tidak boleh menghasilkan sebarang insulin

▶ anda mengalami diabetik ketoasidosis – suatu komplikasi diabetes dengan paras gula dalam darah tinggi, kesukaran untuk bernafas, berasa keliru, rasa dahaga yang berlebihan, bau manis pada nafas atau mempunyai rasa logam ataupun manis di dalam mulut.

Ozempic® bukan insulin dan tidak boleh digunakan sebagai pengganti insulin.

##### Kesan ke atas sistem pencernaan

Sepanjang menjalani rawatan dengan ubat ini, anda mungkin berasa tidak sihat (loya) atau jatuh sakit (muntah), atau mengalami cirit-birit. Kesan-kesan sampingan ini boleh menyebabkan dehidrasi (kehilangan cecair). Adalah penting untuk anda minum banyak cecair bagi mengelakkan berlakunya dehidrasi. Amat penting terutamanya jika anda mempunyai masalah buah pinggang. Berbincanglah dengan doktor anda, jika anda mempunyai sebarang soalan ataupun kebimbangan.

##### Sakit perut yang teruk dan berpanjangan yang mungkin berpunca daripada pankreatitis akut.

Sekiranya anda mengalami kesakitan

yang teruk dan berpanjangan di sekitar kawasan perut – segera berjumpa doktor kerana ini mungkin menandakan penyakit pankreatitis akut (radang pankreas). Sila lihat bahagian 6 untuk tanda-tanda amaran radang pankreas.

##### Paras gula dalam darah yang rendah (hipoglisemia)

Menggabungkan sulfonilurea atau insulin dengan ubat ini boleh meningkatkan risiko berlakunya paras gula dalam darah yang rendah (hipoglisemia). Doktor anda mungkin meminta anda untuk menguji paras gula dalam darah. Ujian ini akan dapat membantu doktor anda menentukan sama ada dos sulfonilurea atau insulin perlu diubah bagi mengurangkan risiko paras gula dalam darah yang rendah.

##### Penyakit mata diabetik (retinopati)

Sekiranya anda mempunyai penyakit mata diabetik dan menggunakan insulin, ubat ini boleh membawa kepada kemerosotan penglihatan anda, dan ini mungkin memerlukan rawatan. Maklumkan kepada doktor anda jika anda mengalami penyakit mata diabetik atau jika anda mengalami masalah mata sepanjang menjalani rawatan dengan ubat ini.

##### Kanak-kanak dan remaja

Ubat ini tidak disyorkan untuk kanak-kanak dan remaja di bawah usia 18 tahun kerana aspek keselamatan dan keberkesanan ubat ini dalam kumpulan umur tersebut belum lagi diketahui.

##### - Jika mengambil ubat-ubatan lain

Maklumkan kepada doktor, ahli farmasi atau jururawat anda jika anda sedang mengambil, atau baru sahaja mengambil atau mungkin mengambil sebarang ubatan lain termasuk ubat-ubatan herba atau ubat-ubatan lain yang anda beli tanpa preskripsi.

Terutama sekali, beritahu doktor, ahli farmasi atau jururawat anda jika anda sedang mengambil ubat-ubatan yang mengandungi mana-mana bahan seperti berikut:

**OZEMPIC®****LARUTAN UNTUK SUNTIKAN****DALAM PEN PRA-ISI**

Semaglutide 1.34 mg/ml (0.25, 0.5 mg/dos, 1 mg/dos)

► Warfarin atau ubat-ubatan yang mirip yang diambil melalui mulut untuk mengurangkan pembentukan darah beku (ubat antikoagulan oral). Anda mungkin memerlukan ujian darah yang kerap untuk memeriksa seberapa cepat darah anda beku.

► Sekiranya anda menggunakan insulin, doktor anda akan memberitahu anda cara mengurangkan dos insulin dan akan mengesyorkan anda untuk memantau paras gula dalam darah anda dengan lebih kerap, untuk mengelakkan hiperglisemia (paras gula dalam darah tinggi) dan diabetik ketoasidosis (komplikasi diabetes yang berlaku apabila badan tidak dapat menguraikan glukosa kerana insulin tidak mencukupi).

**Kandungan sodium**

Ubat ini mengandungi kurang daripada 1 mmol sodium (23 mg) dalam setiap dos, boleh dikatakan 'bebas sodium'.

**4. Cara menggunakan Ozempic®**

Sentiasa patuh kepada cara pengambilan ubat ini seperti yang dimaklumkan oleh doktor anda. Sekiranya anda tidak pasti, sila rujuk kepada doktor, ahli farmasi atau jururawat anda.

**- Berapa banyak harus digunakan**

► Dos permulaan ialah 0.25 mg sekali seminggu selama empat minggu.

► Selepas empat minggu, doktor anda akan meningkatkan dos anda kepada 0.5 mg sekali seminggu.

► Doktor anda mungkin meningkatkan dos anda kepada 1 mg sekali seminggu jika paras gula dalam darah anda tidak dapat dikawal dengan baik pada dos 0.5 mg sekali seminggu.

Jangan ubah dos anda melainkan diarahkan demikian oleh doktor.

**- Bila perlu digunakan**

► Anda harus mengambil ubat ini sekali seminggu pada hari yang sama setiap minggu, jika boleh.

► Anda boleh mengambil suntikan pada sebarang waktu dalam hari tersebut – tanpa mengira waktu makan.

Bagi memudahkan anda ingat untuk menyuntik ubat ini sekali seminggu sahaja, adalah disarankan untuk mencatatkan hari yang dipilih tersebut (umpamanya hari Rabu) pada karton dan menulis tarikh pada karton setiap kali anda telah melakukan suntikan.

Jika perlu, anda boleh mengubah hari suntikan mingguan ubat ini, asalkan hari tersebut sekurang-kurangnya 3 hari semenjak suntikan terakhir anda. Setelah memilih hari dos yang baharu, teruskan dos sekali seminggu.

**Cara untuk menyuntik**

Ozempic® diberikan secara suntikan di bawah kulit (suntikan subkutaneous). Jangan suntik Ozempic® ke dalam salur darah atau otot.

► Tempat yang paling sesuai untuk melakukan suntikan adalah di bahagian hadapan paha anda, bahagian hadapan pinggang anda (perut) atau pada bahagian lengan atas anda.

► Sebelum anda menggunakan pen buat pertama kalinya, doktor atau jururawat anda akan menunjukkan cara penggunaannya.

Arahan terperinci untuk penggunaan boleh didapati di bahagian sebelah pakej risalah ini.

**- Berapa lama perlu digunakan**

Jangan berhenti menggunakan ubat ini tanpa berbincang dengan doktor anda. Jika anda berhenti menggunakannya, paras gula dalam darah anda mungkin meningkat.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan lanjut mengenai pengambilan ubat ini, kemukakannya kepada doktor, ahli farmasi atau jururawat.

**- Jika terlupa menggunakan**

Jika anda terlupa mengambil dos suntikan anda dan:

► kini telah 5 hari atau kurang

daripada itu sejak hari anda sepatutnya mengambil Ozempic® telah terlepas, ambil dos anda sebaik sahaja anda teringat. Kemudian suntik dos seterusnya seperti biasa pada hari yang dijadualkan.

► kini telah melebihi 5 hari sejak hari anda sepatutnya mengambil Ozempic®, langkai dos tersebut. Kemudian suntik dos yang seterusnya seperti biasa pada hari yang dijadualkan. Jangan gunakan dos berganda bagi menggantikan dos yang anda lupa.

**- Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)**

Jika anda telah terambil Ozempic® lebih daripada yang sepatutnya, segera maklumkan kepada doktor anda. Anda mungkin mengalami kesan sampingan seperti berasa tidak sihat (loya).

**5. Semasa menggunakan Ozempic®****- Perkara yang perlu dilakukan**

Sentiasa patuh kepada cara pengambilan ubat ini seperti yang dimaklumkan oleh doktor anda. Sekiranya anda tidak pasti, sila rujuk kepada doktor, ahli farmasi atau jururawat anda.

**- Perkara yang tidak boleh dilakukan**

Jika anda buta atau mempunyai penglihatan yang lemah dan tidak dapat membaca pengira dos pada pen, jangan gunakan pen tanpa bantuan. Dapatkan bantuan daripada seseorang yang mempunyai penglihatan yang baik dan dilatih untuk menggunakan pen pra-isi Ozempic®.

**Jangan guna Ozempic®**

► jika ia telah berubah dan tidak kelihatan jernih dan tidak berwarna atau hampir tidak berwarna

► jika ia telah dibekukan.

► jika pen rosak atau tidak disimpan dengan betul.

**- Perkara yang perlu diberi perhatian****Kehamilan dan penyusuan anak**

**OZEMPIC®****LARUTAN UNTUK SUNTIKAN  
DALAM PEN PRA-ISI**

Semaglutide 1.34 mg/ml (0.25, 0.5 mg/dos, 1 mg/dos)

Sekiranya anda hamil atau menyusukan anak, anda berpendapat bahawa anda mungkin hamil, atau anda merancang untuk hamil, dapatkan nasihat daripada doktor anda sebelum anda mula mengambil ubat ini.

Ubat ini tidak boleh diambil semasa hamil, kerana tidak diketahui jika ia menjejaskan bayi yang belum lahir. Oleh itu, penggunaan kontrasepsi adalah disarankan semasa mengambil ubat ini. Jika anda ingin hamil, bincangkan cara menukar rawatan anda dengan doktor anda sebab anda harus berhenti mengambil ubat ini sekurang-kurangnya 2 bulan sebelum hamil. Sekiranya anda hamil semasa mengambil ubat ini, segera beritahu doktor anda, kerana rawatan anda perlu diubah.

Jangan ambil ubat ini jika anda menyusukan anak, kerana tidak diketahui sama ada Ozempic® mengalir ke dalam susu ibu.

**Memandu dan mengendalikan mesin-mesin**

Ozempic® tidak mungkin menjejaskan keupayaan anda untuk memandu dan mengendalikan mesin-mesin. Jika anda mengambil ubat ini bersama-sama dengan sulfonilurea atau insulin, paras gula dalam darah rendah (hipoglisemia) mungkin berlaku di mana ia boleh mengurangkan keupayaan anda untuk menumpukan perhatian. Jangan memandu atau mengendalikan mesin-mesin jika anda mengalami tanda-tanda paras gula rendah dalam darah. Sila lihat bahagian 3 'Amaran dan langkah berjaga-jaga' untuk maklumat tentang peningkatan risiko paras gula rendah dalam darah, dan bahagian 6 untuk tanda-tanda amaran paras gula rendah dalam darah. Sila berbincang dengan doktor anda untuk mendapatkan maklumat lanjut.

**6. Kesan-kesan sampingan**

Sebagaimana semua ubatan lain, Ozempic® juga boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

**Kesan-kesan sampingan yang serius**

**Biasa** (mungkin menjejaskan sehingga 1 dalam 10 orang)

► komplikasi penyakit mata diabetik (retinopati) - anda perlu memberitahu doktor anda jika anda mendapat masalah mata, seperti perubahan pada penglihatan, semasa menjalani rawatan dengan ubat ini.

**Tidak biasa** (mungkin menjejaskan sehingga 1 dalam 100 orang)

► radang pankreas (pankreatitis akut) yang boleh menyebabkan kesakitan teruk di bahagian perut dan belakang yang tidak akan hilang. Anda mesti berjumpa doktor dengan segera sekiranya anda mengalami gejala seperti ini.

**Jarang sekali** (mungkin menjejaskan sehingga 1 dalam 1,000 orang)

► tindak balas alahan yang teruk (tindak balas anafilaksis, *angioedema*). Anda perlu segera mendapatkan bantuan perubatan dan memberitahu doktor anda serta-merta jika anda mengalami gejala-gejala seperti masalah pernafasan, bengkak pada muka, bibir, lidah dan/atau tekak dengan kesukaran menelan dan denyutan jantung yang laju.

**Kesan sampingan lain**

**Sangat biasa** (mungkin menjejaskan lebih daripada 1 dalam 10 orang)

► berasa tidak sihat (loya) – kebiasaannya beransur hilang dari masa ke masa

► cirit birit – kebiasaannya beransur hilang dari masa ke masa.

► Paras gula rendah dalam darah (hipoglisemia) apabila ubat ini digunakan bersama ubat yang mengandungi sulfonilurea atau insulin.

**Biasa** (mungkin menjejaskan sehingga 1 dalam 10 orang)

► jatuh sakit (muntah)

► paras gula rendah dalam darah (hipoglisemia) apabila ubat ini diambil bersama dengan ubat antidiabetik oral selain daripada sulfonilurea atau insulin.

**Paras gula terlalu rendah dalam darah (hipoglisemia)**

Tanda-tanda amaran paras gula rendah dalam darah mungkin muncul

dengan tiba-tiba. Ia mungkin merangkumi: berpeluh sejuk, kulit pucat dan sejuk, sakit kepala, denyutan jantung yang laju, berasa tidak sihat (mual) atau sangat lapar, perubahan pada penglihatan, berasa mengantuk atau lemah, berasa gugup, cemas atau keliru, sukar menumpukan perhatian atau menggeletar.

Doktor anda akan memberitahu cara untuk merawat paras gula rendah dalam darah dan apa yang perlu dilakukan apabila anda sedar akan tanda-tanda amaran ini.

Keadaan paras gula rendah dalam darah lebih berkemungkinan berlaku jika anda juga mengambil sulfonilurea atau insulin. Doktor anda boleh mengurangkan dos ubat anda sebelum anda mulai mengambil ubat ini.

- ketakcernaan
- keradangan perut ('gastritis') – tanda-tandanya termasuk sakit perut, rasa tidak sihat (loya) atau jatuh sakit (muntah)
- refluks atau pedih ulu hati – juga dipanggil 'penyakit refluks gastro esofagus (gastro-esophageal reflux disease, GERD)
- sakit perut
- kembung perut
- sembelit
- bersendawa
- batu karang
- pening kepala
- keletihan
- susut berat badan
- selera makan berkurangan
- angin (kembung)
- peningkatan enzim pankreas (seperti lipase dan amilase).

**Tidak biasa** (mungkin menjejaskan sehingga 1 dalam 100 orang)

► perubahan rasa pada makanan dan minuman

► denyutan nadi yang laju

► tindak balas pada tempat suntikan – seperti lebam, rasa sakit, iritasi, kegatalan dan ruam

► tindak balas alahan seperti ruam, kegatalan atau urtikaria (gatal-gatal)

► kelewatan dalam pengosongan perut

# OZEMPIC®

## LARUTAN UNTUK SUNTIKAN

### DALAM PEN PRA-ISI

Semaglutide 1.34 mg/ml (0.25, 0.5 mg/dos, 1 mg/dos)

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) [*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*] Dengan melaporkan kesan-kesan sampingan, anda boleh membantu memberikan maklumat lanjut tentang keselamatan ubat ini.

#### 7. Cara penyimpanan dan pelupusan Ozempic®

##### - Penyimpanan

Simpan ubat ini jauh daripada penglihatan dan capaian kanak-kanak.

Jangan ambil ubat ini selepas tarikh tamat tempoh yang tertera pada label pen dan karton, selepas 'Expiry'. Tarikh tamat tempoh merujuk kepada hari terakhir dalam bulan tersebut.

##### Sebelum penggunaan pertama

Simpan dalam peti sejuk (2°C – 8°C). Jangan sejuk bekukan. Jauhkan daripada elemen-elemen penyejukan. Pastikan penutup pen dipasang untuk melindungi daripada cahaya.

##### Semasa mengguna:

► Anda boleh menyimpan pen selama 6 minggu apabila disimpan pada suhu di bawah 30°C atau di dalam peti sejuk (2°C – 8°C) jauh daripada elemen-elemen penyejukan. Jangan sejuk bekukan Ozempic® dan jangan guna jika ia telah disejukkukan.

► Apabila anda tidak menggunakan pen, pasang penutup pada pen bagi melindunginya daripada cahaya.

Jangan guna ubat ini jika anda mendapati larutannya tidak jernih dan tidak berwarna atau hampir tidak berwarna.

##### - Pelupusan

Jangan buang ubat-ubatan melalui sisa buangan atau sisa isi rumah. Tanya ahli farmasi anda cara untuk membuang ubat yang tidak digunakan lagi. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

#### 8. Maklumat lanjut

##### - Rupa dan warna produk

##### Larutan Ozempic® 0.25 mg, 0.5 mg/dos untuk suntikan

Ozempic® adalah sejenis larutan yang jernih dan tidak berwarna atau hampir tidak berwarna untuk suntikan dalam pen pra-isi.

Setiap pen pra-isi mengandungi larutan sebanyak 1.5 ml, dan boleh menyampaikan dos sebanyak 0.25 mg atau 0.5 mg.

Larutan Ozempic® 0.25 mg, 0.5 mg/dos untuk suntikan boleh didapati dalam saiz pek berikut: 1 pen dan 6 jarum pakai buang NovoFine® Plus.

##### Larutan Ozempic® 1 mg/dos untuk suntikan

Ozempic® adalah sejenis larutan yang jernih dan tidak berwarna atau hampir tidak berwarna untuk suntikan dalam pen pra-isi.

Setiap pen pra-isi mengandungi larutan sebanyak 3 ml, dan boleh menyampaikan dos sebanyak 1 mg.

Larutan Ozempic® 1 mg/dos untuk suntikan boleh didapati dalam saiz pek berikut: 1 pen dan 4 jarum pakai buang NovoFine® Plus.

##### - Bahan-bahan kandungan

##### - Bahan aktif

##### Larutan Ozempic® 0.25 mg, 0.5 mg/dos untuk suntikan

Bahan aktif yang terkandung adalah semaglutide. Satu ml larutan untuk suntikan mengandungi 1.34 mg semaglutide. Sebatang pen pra-isi mengandungi 2 mg semaglutide dalam 1.5 ml larutan.

##### Larutan Ozempic® 1 mg/dos untuk suntikan

Bahan aktif yang terkandung adalah semaglutide. Satu ml larutan untuk suntikan mengandungi 1.34 mg semaglutide. Sebatang pen pra-isi mengandungi 4 mg semaglutide dalam 3 ml larutan.

##### - Bahan tidak aktif

Bahan-bahan lain ialah: disodium fosfat dihidrat, propena glikol, fenol, air untuk suntikan, natrium hidroksida/asid hidroklorik (untuk pelarasan pH).

##### - Nombor MAL

##### Larutan Ozempic® 0.25 mg, 0.5 mg/dos untuk suntikan

MAL20026057AZ

##### Larutan Ozempic® 1 mg/dos untuk suntikan

MAL20026058AZ

#### 9. Pengilang

Novo Nordisk A/S  
Brennum Park,  
DK- 3400 Hillerød,  
Denmark

Novo Nordisk A/S  
Novo Allé  
DK-2880 Bagsværd  
Denmark

#### 10. Pemegang Pendaftaran Produk

Novo Nordisk Pharma (Malaysia)  
Sdn. Bhd.  
Menara 1 Sentrum, Level 16,  
No. 201 Jalan Tun Sambanthan  
50470 Kuala Lumpur  
Malaysia -

#### 11. Tarikh kemaskini RIMUP

11 Oktober 2023

##### Nombor siri

NPRA(R3/01)23102023/0271

**Arahan penggunaan larutan Ozempic® 0.25mg, 0.5mg/dos untuk suntikan dalam pen pra-isi**  
**Arahan penggunaan larutan Ozempic® 1 mg/dos untuk suntikan dalam pen pra-isi**

Sila baca arahan-arahan ini dengan teliti sebelum menggunakan pen pra-isi Ozempic® anda. Berbincang dengan doktor, jururawat atau ahli farmasi anda tentang cara menyuntik Ozempic® dengan betul. Mulai dengan memeriksa pen anda untuk **memastikan ia mengandungi Ozempic®** kemudian lihat ilustrasi di bawah untuk mengenali bahagian-bahagian yang berbeza pada pen dan jarum anda. **Jika anda buta atau mempunyai penglihatan yang lemah dan tidak dapat membaca pengira dos pada pen, jangan gunakan pen ini tanpa bantuan.** Dapatkan bantuan daripada seseorang yang mempunyai penglihatan yang baik dan tahu menggunakan pen pra-isi Ozempic®.

*Semaglutide 1.34 mg/ml (0.25 mg, 0.5 mg/dos) untuk suntikan*

Pen anda adalah sebatang pen pra-isi dail-satu-dos. Ia mengandungi 2 mg semaglutide, dan anda boleh memilih dos 0.25 mg atau 0.5 mg.

Satu pen yang belum digunakan mengandungi:

- 4 dos 0.25 mg (dos permulaan) dan 2 dos 0.5 mg
- atau 4 dos 0.5 mg

Gunakan jadual di dalam penutup karton untuk menjejaki jumlah suntikan yang telah anda ambil dan bila anda mengambil suntikan.

Pen anda direka untuk digunakan dengan jarum pakai buang NovoFine® dan NovoTwist® sehingga 8 mm panjang. Jarum NovoFine® Plus telah disertakan di dalam pek.

*Semaglutide 1.34 mg/ml (1 mg/dos) untuk suntikan*

Pen anda adalah sebatang pen pra-isi dail-satu-dos. Ia mengandungi 4 mg semaglutide, dan anda boleh memilih dos 1 mg. Satu pen yang belum digunakan mengandungi empat dos 1 mg.

Gunakan jadual di dalam penutup karton untuk menjejaki berapa banyak suntikan yang telah anda ambil dan bila anda mengambil suntikan.

Pen anda direka untuk digunakan dengan jarum pakai buang 30G, 31G, and 32G sehingga 8 mm panjang. Jarum NovoFine® Plus telah disertakan di dalam pek.








**Pen pra-isi Ozempic® dan jarum (contoh)**



**⚠ Maklumat Penting**

Sila beri perhatian khusus kepada nota-nota ini, kerana ia penting untuk penggunaan pen yang selamat.


**1. Sediakan pen anda dengan jarum yang baharu**

|   |  |
|---|--|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bagi memastikan pen anda mengandungi Ozempic®, <b>periksa nama dan label berwarna yang terdapat pada pen anda.</b> Ini sangat penting terutamanya jika anda mengambil lebih daripada satu jenis ubat suntikan. Pengambilan ubat yang salah boleh memudaratkan kesihatan anda.</li> <li>• <b>Cabutkan penutup pen.</b></li> </ul>   |    |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Pastikan larutan di dalam pen anda adalah jernih</b> dan tidak berwarna. Ini boleh dilihat melalui tettingkap pen. Sekiranya larutan kelihatan keruh atau berwarna, jangan guna pen tersebut.</li> </ul>  |    |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Ambil satu jarum baharu.</b> Pastikan tab kertas dan penutup jarum luar tiada kerosakan untuk memastikan kesterilan terjamin. Jika terdapat kerosakan guna jarum yang baharu.</li> <li>• <b>Koyakkan tab kertas.</b></li> </ul>   |    |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Pastikan jarum dipasang dengan betul.</b></li> <li>• <b>Terus tekan jarum ke atas pen.</b></li> <li>• <b>Pusingkan jarum tersebut sehingga ketat.</b></li> </ul>  |   |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Jarum ditutup dengan dua penutup. Anda mesti mengeluarkan kedua-dua penutup. Jika anda terlupa keluarkan kedua-dua penutup, anda tidak akan menyuntik sebarang larutan.</li> <li>• <b>Cabut penutup jarum luar dan simpan untuk digunakan kemudian.</b> Anda akan memerlukannya bagi menanggalkan jarum daripada pen dengan selamat selepas melakukan suntikan.</li> </ul>   |  |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Cabut penutup jarum dalam dan buangkannya.</b> Jika anda cuba menutupnya kembali, anda mungkin tercucuk diri anda dengan jarum dengan tidak sengaja.</li> </ul> <p>Setitis larutan mungkin timbul pada bahagian hujung jarum. Ini adalah suatu perkara yang biasa, namun anda masih perlu memeriksa alirannya, apabila menggunakan pen yang baharu buat pertama kali. Lihat langkah 2 'Periksa aliran dengan setiap pen baharu'.</p> <p><b>Jangan pasang jarum yang baharu kepada pen tersebut</b> sehingga anda telah bersedia untuk mengambil suntikan.</p> |  |
| <p> <b>Sentiasa gunakan jarum yang baharu bagi setiap suntikan.</b> Ini dapat mencegah jarum tersumbat, kontaminasi, jangkitan dan pengedosan yang tidak tepat.</p>  |  |



**Jangan guna jarum yang bengkok atau rosak.**

## 2. Periksa aliran insulin dengan setiap pen baharu

- Jika pen anda telahpun digunakan, sila lihat langkah 3 'Pilih dos anda'. Hanya periksa aliran sebelum setiap suntikan pertama dengan setiap pen yang baharu.
- Putarkan pemilih dos ke **simbol pemeriksa aliran** . Pastikan simbol pemeriksa aliran selari dengan penunjuk.



- Pegang pen tersebut dengan jarumnya menghala ke atas.  
**Tekan dan tahan butang dos** sehingga pengira dos kembali ke angka '0'. Angka '0' mestilah selari dengan penunjuk dos. Setitik larutan akan timbul pada bahagian hujung jarum



Satu titisan kecil akan tertinggal pada bahagian hujung jarum, tetapi titisan ini tidak akan disuntik.

**Jika titisan tidak kelihatan**, ulangi langkah 2 'Periksa aliran dengan setiap pen baharu' sehingga 6 kali. Jika masih tiada titisan cecair, tukar jarum dan ulangi langkah 2 'Periksa aliran dengan setiap pen baharu' sekali lagi.

Buangkan pen dan gunakan yang baru jika setitik larutan masih tidak keluar.



**Sentiasa pastikan bahawa titisan kecil tersebut kelihatan** pada hujung jarum sebelum anda menggunakan pen yang baharu buat kali pertama. Ini membuktikan bahawa larutan itu dapat mengalir.

Jika titisan cecair kecil tersebut tidak kelihatan, anda **tidak** boleh menyuntik sebarang ubatan, walaupun pengira dos mungkin bergerak. **Ini mungkin menunjukkan jarum itu telah tersumbat ataupun rosak.**

Jika anda tidak memeriksa aliran sebelum anda membuat suntikan pertama dengan setiap pen yang baharu, anda mungkin tidak mendapat dos yang ditetapkan dan kesan Ozempic® yang diinginkan.

### 3. Pilih dos anda

*Semaglutide 1.34 mg/ml (0.25 mg, 0.5 mg/dos) untuk suntikan*

- **Putarkan pemilih dos sehingga pengira dos menunjukkan dos yang dipreskribkan (0.25 mg atau 0.5 mg).** Jika anda memilih dos yang salah, anda boleh memusingkan pemilih dos tersebut ke hadapan ataupun ke belakang kepada dos yang betul.
- Dial pen boleh memilih sehingga maksimum 0.5 mg.



*Semaglutide 1.34 mg/ml (1 mg/dos) untuk suntikan*

- **Putarkan pemilih dos sehingga pengira dos menunjukkan dos yang dipreskribkan (1 mg).** Jika anda memilih dos yang salah, anda boleh memusingkan pemilih dos tersebut ke hadapan ataupun ke belakang kepada dos yang betul.

Pemilih dos itu bertujuan untuk menukar dos. Hanya pengira dan penunjuk dos yang akan menunjukkan berapa mg yang anda pilih bagi setiap dos.

*Semaglutide 1.34 mg/ml (0.25 mg, 0.5 mg/dos) untuk suntikan*

Anda boleh memilih sehingga 0.5 mg setiap dos. Apabila pen anda mengandungi kurang daripada 0.5 mg, kaunter dos berhenti sebelum 0.5 mg ditunjukkan.

*Semaglutide 1.34 mg/ml (1 mg/dos) untuk suntikan*

Anda hanya boleh memilih 1 mg setiap dos. Apabila pen anda mengandungi kurang daripada 1 mg, kaunter dos berhenti sebelum 1 ditunjukkan.

Pemilih dos itu akan berbunyi klik dengan bunyi yang berbeza apabila dipusing ke hadapan, ke belakang ataupun melebihi dos yang masih ada di dalam pen. Jangan kira bunyi klik pen.

**⚠ Sentiasa gunakan pengira dos dan penunjuk dos untuk melihat berapa mg yang telah anda pilih sebelum menyuntik ubat ini.**

Jangan kira bunyi klik pen.






*Semaglutide 1.34 mg/ml (0.25 mg, 0.5 mg/dos) untuk suntikan*

Hanya dos 0.25 mg atau 0.5 mg patut dipilih dengan pemilih dos. Dos yang dipilih mestilah selari dengan penunjuk dos supaya anda mendapatkan dos yang betul.

*Semaglutide 1.34 mg/ml (1 mg/dos) untuk suntikan*

Dos yang dipilih mestilah selari dengan penunjuk dos supaya anda mendapatkan dos yang betul.



| <b>Berapa banyak baki larutan yang ada</b>   |  |
|--|--|
| <p><b>Untuk melihat berapa banyak baki larutan yang ada</b>, guna pengira dos: Pusingkan pengira dos sehingga <b>pengira dos berhenti</b>.</p> <p><i>Semaglutide 1.34 mg/ml (0.25 mg, 0.5 mg/dos) untuk suntikan</i><br/> Jika ia menunjukkan 0.5, <b>sekurang-kurangnya 0.5 mg</b> masih berbaki di dalam pen anda. Jika <b>pengira dos berhenti sebelum 0.5 mg</b>, baki larutan yang ada tidak mencukupi bagi dos penuh 0.5 mg.</p> <p><i>Semaglutide 1.34 mg/ml (1 mg/dos) untuk suntikan</i><br/> Jika ia menunjukkan 1, <b>sekurang-kurangnya 1 mg</b> masih berbaki di dalam pen anda. Jika pengira dos berhenti sebelum 0.5 mg, baki larutan yang ada tidak mencukupi bagi dos penuh 1 mg.</p> |  <p><b>A</b></p> <p>Contoh</p> <p>Pengira dos berhenti: Baki 0.25 mg</p> |
| <p>⚠️ Jika baki larutan yang ada di dalam pen anda tidak mencukupi untuk satu dos penuh, jangan guna pen tersebut. Guna pen Ozempic® yang baharu.</p>  |  |
| <p><b>4. Suntik dos anda</b></p>   |  |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Cucukkan jarum ke dalam kulit anda</b> seperti yang telah ditunjukkan oleh doktor atau jururawat kajian anda.</li> <li>• <b>Pastikan anda dapat melihat pengira dos.</b> Jangan tutup pengira dos dengan jari-jari anda. Ini boleh mengganggu proses penyuntikan tersebut.</li> </ul>  |  <p><b>A</b></p>  |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Tekan dan tahan butang dos sehingga pengira dos menunjukkan '0'.</b> Perhatikan apabila pengira dos kembali kepada angka '0'. Angka '0' tersebut mestilah selari dengan penunjuk dos. Anda mungkin boleh mendengar bunyi atau merasai satu klik.</li> <li>• <b>Teruskan menekan butang dos sambil mengekalkan jarum di dalam kulit anda.</b></li> </ul>  |  <p><b>B</b></p>   |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Kira dengan perlahan sehingga 6, sambil mengekalkan butang dos ditekan.</b></li> <li>• Jika jarum dikeluarkan lebih awal, anda mungkin melihat satu pancutan larutan keluar dari hujung jarum. Jika ini berlaku, dos penuh telah tidak berjaya dimasukkan.</li> </ul>  |  <p><b>C</b> Kira perlahan-lahan:<br/>1-2-3-4-5-6</p>                  |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Keluarkan jarum tersebut dari kulit anda. Kemudian anda boleh melepaskan butang dos.</b> Jika darah kelihatan pada tempat suntikan, tekankan sedikit..</li> </ul>  |  <p><b>D</b></p>   |

Anda mungkin melihat setitis larutan pada hujung jarum selepas menyuntik. Ini adalah perkara biasa dan tidak akan menjejaskan dos anda.



**Sentiasa perhatikan pengira dos untuk mengetahui berapa banyak mg yang anda suntik.** Pegang butang dos ke bawah sehingga pengira dos kembali kepada angka '0'.

**Cara mengenal pasti jarum yang tersumbat atau rosak**

- Jika angka '0' tidak kelihatan pada pengira dos selepas menekan butang dos secara berterusan, anda mungkin telah menggunakan jarum yang tersumbat atau rosak.
- Dalam keadaan ini – anda sebenarnya **tidak** menerima sebarang ubat – walaupun pengira dos telah bergerak dari dos asal yang telah anda tetapkan.


**Cara mengendalikn jarum yang tersumbat**

Tukarkan jarum tersebut seperti yang diterangkan pada langkah 5 'Selepas suntikan anda' dan ulangi kesemua langkah bermula daripada langkah 1 'Sediakan pen anda dengan jarum baharu'. Pastikan anda telah memilih dos penuh yang anda perlukan.


**Jangan sentuh pengira dos apabila anda melakukan suntikan.** Ini boleh mengganggu suntikan.

**5. Selepas suntikan anda**


- **Sentiasa buang jarum selepas setiap suntikan** untuk memastikan suntikan mudah dan mencegah jarum tersumbat. Jika jarum tersumbat, anda **tidak** akan dapat menyuntik sebarang ubat.
- **Masukkan hujung jarum ke dalam penutup jarum luar** di atas permukaan yang rata tanpa menyentuh jarum atau penutup jarum luar.



- Sebaik sahaja jarum ditutup, tekan penutup luar jarum masuk sepenuhnya dengan berhati-hati.
- **Tanggalkan jarum itu** dan buangkannya dengan berhati-hati seperti yang diarahkan oleh doktor anda, jururawat, ahli farmasi ataupun pihak berkuasa tempatan.



- **Tutup pen anda dengan penutup pen** selepas setiap penggunaan bagi melindungi larutan daripada cahaya.



Apabila pen telah kosong, buang pen tersebut **tanpa** jarum terpasang padanya seperti yang diarahkan oleh doktor, jururawat, ahli farmasi atau pihak berkuasa tempatan.



**Jangan sesekali cuba meletakkan penutup jarum dalam pada jarum.** Anda mungkin tercucuk diri anda sendiri dengan jarum itu.



**Sentiasa tanggalkan jarum daripada pen anda sejurus selepas setiap suntikan.** Ini boleh mencegah jarum daripada tersumbat, kontaminasi, jangkitan dan kebocoran larutan dan pengedosan yang tidak tepat.



#### **Maklumat penting selanjutnya**

- Sentiasa simpan pen anda dan jarum **daripada penglihatan dan capaian orang lain**, terutamanya kanak-kanak.
- **Jangan sesekali berkongsi** pen dan jarum anda dengan orang lain.
- Penjaga mestilah **berhati-hati apabila mengendalikan jarum yang terpakai** untuk mencegah daripada berlakunya kecederaan jarum dan jangkitan bersilang.

#### **Penjagaan pen anda**

Kendalikan pen anda dengan cermat. Pengendalian yang kasar atau salahguna boleh menyebabkan pengedosan yang tidak tepat. Jika ini berlaku anda mungkin tidak mendapat kesan ubat yang diinginkan.

- **Jangan tinggalkan pen di dalam kereta** atau tempat lain di mana ia boleh menjadi terlalu panas atau terlalu sejuk,
- **Jangan suntik Ozempic<sup>®</sup> yang telah disejukbekukan.** Sekiranya anda menyuntiknya, anda mungkin tidak mendapatkan kesan ubat yang diinginkan.
- **Jangan suntik Ozempic<sup>®</sup> yang telah terdedah kepada cahaya matahari secara langsung.** Sekiranya anda menyuntiknya, anda mungkin tidak mendapatkan kesan ubat yang diinginkan.
- **Jangan dedahkan pen anda kepada habuk, kotoran atau cecair.**
- **Jangan basuh, rendam atau menyapu alat pelincir pada pen anda.** Ia boleh dibersihkan dengan kain lembap berdetergen ringan.
- **Jangan jatuhkan pen anda** atau mengetuknya ke atas permukaan yang keras. Jika anda menjatuhkannya atau mengesyaki pen bermasalah, pasangkan jarum baharu dan periksa aliran sebelum anda menyuntiknya.
- **Jangan cuba mengisi semula pen anda.** Apabila ia telah kosong, ia mesti dibuang.
- **Jangan cuba membaiki pen anda** atau menguraikannya.